

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HLA 101/NSK 003 - Pengantar Seni Teater

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH (7) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Ahli Antropologi dari Cambridge, James Frazer berpendapat bahawa asal usul teater berpuncakan upacara ritual dan metos. Berdasarkan teorinya buktikan bahawa ritual dan teater menggunakan elemen-elemen asas yang sama.
2. Mengikut Beckerman “drama berlaku apabila seorang atau beberapa orang yang terpisah daripada ruang dan waktu, mempersempahkan diri mereka berdasarkan aksi-aksi yang diimajinasikan”. Huraikan kenyataan ini.
3. Plot merupakan mekanisme penceritaan drama. Berdasarkan drama *Nasib* oleh Hatta Azad Khan ATAU *Pintu* oleh Nordin Hassan, huraikan plotnya.
4. Teater Epik merupakan stail penulisan atau produksi teatrikal yang menitik-beratkan drama sebagai bahan penglipurlaraan dan menegaskan elemen-elemen naratif atau epik di dalam aksinya melalui berbagai teknik pengasingan. Huraikan kenyataan ini.
5. Teater KABUKI dan NOH merupakan teater tradisional Jepun yang masih popular sehingga sekarang. Pilih salah satu daripadanya dan huraikan aspek pentas dan kostiumnya.

6. Secara umum bandingkan teater-teater wayang kulit berikut.
 - a) Wayang Kulit Kelantan
 - b) Wayang Kulit Melayu
 - c) Wayang Gedek
 - d) Wayang Kulit Purwa.
7. Teater merupakan seni yang kompleks yang melibatkan berbagai elemen dan elemen-elemen ini harus digabungkan menjadi keseluruhan yang organik yang harus ditangani oleh pengarah. Apakah peranan seseorang pengarah di dalam sesebuah produksi teater.